

Benteng pecah pulih hari ini

Kontraktor bertanggungjawab segera ambil langkah penyelesaian jangka pendek

SABAKBERNAM—Benteng sementara di Bagan Nakhoda Omar yang pecah minggu lalu sehingga menyebabkan air laut masuk ke sistem saliran kampung dijangka siap dibaik pulih secara menyeluruh hari ini.

Jurutera Daerah Sabak Bernam, Abdul Aziz Mohamed Yusof, berkata, kerja baik pulih benteng berkenaan oleh kontraktor bertanggungjawab adalah langkah segera bagi penyelesaian jangka pendek.

Menurutnya, daripada pemantauan dilakukan, kerja pembaikan bahagian kanan benteng dilakukan kontraktor dalam tempoh tiga hari yang diberikan sebelum ini.

“Selebihnya, iaitu bahagian kiri benteng sedang dibaik

JPS beri tempoh tiga hari

Kontraktor digesa segera selesai masalah benteng pecah untuk jangka panjang

SABAK BERNAM— Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memberi tempoh tiga hari bermula semalam kepada kontraktor bertanggungjawab untuk mengambil tindakan komprehensif bagi menyelesaikan masalah benteng sementara di Bagan Nakhoda Omar yang pecah, sejak Jumaat lalu.

Jurutera Daerah Sabak Bernam, Abdul Aziz Mohamed Yusof berkata, benteng sementara itu adalah di bawah tanggungjawab kontraktor yang terlibat dalam projek membina dan menyiapkan sebuah kunci air untuk menarik taraf sistem saliran serta kerja-kerja berkaitan.



Kedudukan terkini benteng sementara di Bagan Nakhoda Omar yang pecah, sejak Jumaat lalu.

Jangka panjang sistem saliran untuk menangani masalah banjir di kawasan ini.



ABDUL AZIZ

lihat semakin merobek iaitu kira-kira lima meter di bahagian kiri dan kanan benteng.

Kedua-dua itu mendatangkan kepada mereka sekiranya berlaku air pasang besar seperti yang dijangkakan atau hujan lebat berterusan.

kerja baik pulih dijalankan pihak kontraktor terlibat bilapun arahan telah dikeluarkan JPS.

Pada masa sama, Abdul Aziz berkata, kontraktor diarahkan untuk mengambil tindakan segera mengatasi masalah berkenaan untuk sementara waktu memandangkan faktor air pasang yang tidak menentu.

“Dijangkakan dalam tempoh dua tiga hari ini, air pasang besar akan berlaku, kita bimbang keadaan benteng itu akan lebih kritikal,” katanya.

Dalam perkembangan terbaru, penduduk menduduki kawasan benteng pecah berdepan dengan risiko banjir.

Laporan Sinar Harian 8 Mei lalu mengenai masalah benteng sementara yang pecah.

pulih dan dijangka siap esok (hari ini),” katanya mengulas perkembangan masalah benteng pecah yang pernah dilaporkan *Sinar Harian* pada 7 dan 8 Mei lalu.

Difahamkan, benteng sementara itu termasuk dalam Projek Membina dan Menyiapkan Kunci Air Bagi Menaik Taraf Sistem Saliran dan Kerja Berkaitan di Bagan

Nakhoda Omar yang dijangka siap pada 7 Januari 2013.

Abdul Aziz berkata, pihaknya turut memberikan tekanan kepada pihak kontraktor untuk mengambil tindakan kompre-

hensif bagi penyelesaian jangka panjang supaya masalah sama tidak berulang sehingga projek berkenaan selesai.

“Kerja membina dan menyiapkan kunci air itu boleh dijalankan sekiranya benteng sementara tersebut dalam keadaan baik, jika bermasalah seperti ini, kerja di tapak projek juga tidak boleh diteruskan.

“Hasil perbincangan yang kita lakukan, pihak kontraktor berjanji untuk menanganinya dengan membawa masuk tenaga kerja yang mahir dalam kerja-kerja pembinaan kunci air bagi menggantikan tenaga kerja sedia ada yang kurang berpengalaman dalam skop kerja ini,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa memberikan perhati-

an, bukan hanya kepada kerja-kerja di tapak projek malah turut membuat lawatan kerja ke kilang untuk melihat komponen-komponen lain yang akan digunakan bagi menyiapkan projek itu.

“Juruteknik dan pegawai kita juga sentiasa menjalankan pemantauan rapi dari masa ke semasa terhadap semua kerja-kerja dilakukan kontraktor di tapak projek supaya setiap spesifikasi digariskan, diikuti mereka.

“Pihak kontraktor juga perlu dapat meningkatkan tahap kecekapan kerja dilakukan supaya mereka boleh membina dan menyiapkan projek kunci air untuk tujuan naik taraf sistem saliran mengikut masa ditetapkan,” katanya.